

Terbitan : *Harian Metro*Tarikh : *23/5/2023*M/S : *10*

Johor Bahru: Sebuah gudang di kawasan perindustrian Gelang Patah di sini yang dijadikan tempat menyimpan arak seludup diserbu pihak berkuasa bulan lalu menyaksikan 7,242 tin dan botol minuman keras bernilai RM230,000 dirampas.

Pengarah Kastam Johor, Misbahudin Parmin berkata, minuman keras pelbagai jenama yang dirampas itu dipercayai diseludup masuk dari Eropah dan China pada 17 April lalu.

"Hasil pemeriksaan terhadap gudang itu menemukan sejumlah minuman keras pelbagai jenama yang diseludup masuk dari negara luar iaitu Eropah dan China, dipercayai tidak bercukai.

"Bagaimanapun, tiada individu ditahan dan usaha mengesan pemilik premis sedang giat dijalankan.

"Semua minuman keras yang dirampas itu dipercayai untuk pasaran tempatan. Kes disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (d) Akta Kastam 1967," katanya dalam sidang

Gudang menjadi tempat simpa



MANGKUK tandas yang disita.

media di Menara Kastam Johor di sini, semalam.

Dalam kes berasingan, Misbahudin berkata, pihaknya menyita sebuah kontena yang membawa muatan mangkuk tandas bernilai RM88,145, di sebuah premis di kawasan Perindustrian Pasir Gudang, 5 Mei lalu.

Katanya, tindakan itu telah berjaya menggagalkan cubaan menyalahgunakan borang Kastam 8 bertujuan untuk mengelak daripada dikenakan duti import dan keperluan permit.

"Hasil pemeriksaan silang ke atas dokumen pengiklanan, dagangan yang diikrar adalah peralatan ke-



MISBAHUDIN (dua dari kanan) ber Kastam Johor. - Gambar NSTP/NUR

bersihan, tidak sama dengan muatan yang terdapat dalam kontena.

"Tindakan itu boleh me-